

## **Dinamika Dakwah al-Jam'iyatul Washliyah di Tanah Batak Toba, Sumatera Utara**

### ***The Dynamics of al-Jam'iyatul Washliyah Da'wah in the Toba Batak Land, North Sumatra***

Sopian Ilyas

Department of Da'wah and Human Development.  
Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. Malaysia.  
yansguntany@yahoo.com

Fakhrul Adabi Abdul Kadir

Department of Da'wah and Human Development.  
Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur. Malaysia.  
fadabi67@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol49no2.2>

#### ***Abstract***

*The Toba Batak Land is one of the provinces in North Sumatra, where the majority of the population are Christians. This region is one of the localities for Islamic preaching in North Sumatra. Interestingly, Indonesian Muslims have long been active in developing Islamic teachings in the Land of Batak Toba through da'wah efforts. This da'wah effort continues, from ancient times to the present, by sending preachers initiated by the al-Washliyah organization. This organization is active in the field of da'wah, especially in sending preachers to deliver Islamic sermons in Batak Toba. Evidently, this organization has contributed a lot to the spread of Islam in this land. This study will discuss the dynamics of da'wah in the Batak Land of Toba. The method used is historical research (historiography). Based on this study, it can be known that the da'wah movement in Tanah Batak Toba is led by al-Washliyah organization, which is carried out through the sending of its preachers to Tanah Batak Toba until now, through Sahabat Dakwah Pemuda Samosir under the al-Washliyah organization. In its development, the da'wah effort in Tanah Batak Toba is in dire need of the support of Muslims, both in material form and in quantity in the delivery of sending the preachers.*

**Keywords:** *al-Washliyah, Dinamika Dakwah, Tanah Batak Toba.*

#### **Abstrak**

Tanah Batak Toba adalah salah satu wilayah di Sumatera Utara, majoriti penduduknya beragama Kristian. Wilayah ini merupakan salah satu

destinasi dakwah Islamiah di Sumatera Utara. Menariknya, umat Islam Indonesia telah lama aktif mengembangkan syiar Islam di Tanah Batak Toba melalui usaha dakwah. Usaha dakwah ini berterusan, semenjak dahulu hingga kini, dengan mengirinkan para pendakwah yang dilatih oleh organisasi al-Washliyah. Organisasi ini merupakan organisasi yang aktif dalam bidang dakwah, terutama dalam menghantar para pendakwah untuk berdakwah di Tanah Batak Toba. Terbukti, organisasi ini telah banyak berjasa terhadap penyebaran agama Islam di Tanah Batak Sumatera Utara. Kajian ini membincangkan mengenai dinamika dakwah di Tanah Batak Toba. Adapun kaedah yang digunakan adalah kaedah penyelidikan sejarah (historiografi). Berdasarkan kajian ini, bahawa gerakan dakwah di Tanah Batak Toba dipelopori oleh al-Washliyah, yang dijalankan dengan pengirinan para pendakwah melalui Yayasan Sahabat Dakwah Pemuda Samosir. Dalam perkembangannya, usaha dakwah di Tanah Batak Toba sangat memerlukan sokongan kaum Muslimin, baik dalam bentuk kewangan mahupun kuantiti dalam pengirinan para pendakwah.

**Kata kunci:** al-Washliyah, Dinamika Dakwah, Tanah Batak Toba.

## **Pendahuluan**

Dakwah secara harfiah mempunyai erti sebagai ajakan atau seruan kepada ajaran agama. Lumrahnya, perkataan dakwah mengarah kepada segala sesuatu seruan, baik itu berupa ceramah, pidato, khutbah serta kegiatan-kegiatan dalam menyebarkan ajaran Islam dengan betul. Dinamika bermaksud suatu pergerakan yang penuh semangat, berterusan yang dapat menyebabkan perubahan dalam kehidupan masyarakat tertentu. Gerakan dakwah menduduki posisi terpenting dalam organisasi al-Washliyah, oleh itu usaha dakwah mesti dirancang dengan bijak agar dapat berjaya dalam pelaksanaannya. Penulis juga mendedahkan sejarah dakwah al-Washliyah, untuk mengetahui lebih banyak mengenai kejayaan dakwah organisasi ini di tanah Batak pada masa lalu dan sekarang.

Sebenarnya, dinamika dakwah al-Washliyah tidak pernah mengenal kata letih dan putus asa sehingga kini, program dakwah telah berjalan secara berterusan demi melahirkan umat Islam yang berakhlak mulia. Memang usaha dakwah di tanah Batak saat ini agak merudum, namun perjalanan dakwah al-Washliyah di Indonesia, terutama di tanah Batak Sumatera Utara masih diteruskan, walaupun dakwah di sana tidak luput daripada cabaran dan rintangan semasa, mulai daripada mengusir penjajahan

kolonialisme sehingga pada era mengisi kemerdekaan Republik Indonesia. Sejak penubuhan organisasi al-Washliyah di kota Medan Sumatera Utara hingga sekarang ini, misi dakwah ke pelbagai wilayah di Sumatera Utara masih berlangsung, seperti yang diamanatkan oleh para ulama al-Washliyah sebagai pengasas organisasi ini.

Tercatat dalam sejarah, bahawa organisasi al-Washliyah ditubuhkan pada 30 November 1930M. Pada awal mula tertubuhnya organisasi ini tidak serta merta mendirikan institusi dakwah. Institusi dakwah baru boleh difungsikan setelah dipilih dan dirasmikannya pengerusi ahli jawatan kuasa di setiap cawangan al-Washliyah di Sumatera Utara. Pada prinsipnya, dakwah al-Washliyah tidak dapat dipisahkan daripada sejarah awal pembentukan organisasi ini, yang dimulakan dengan sebuah kelompok diskusi yang dipelopori oleh para pelajar MIT (Maktab Islamiah Tapanuli),<sup>1</sup> kelompok diskusi ini mereka namakan *Debating Club*. Tujuan utamanya pada masa itu adalah untuk membincangkan dan mengkaji masalah-masalah terkini dalam persoalan agama Islam serta masalah sosial dalam masyarakat. Melalui kelompok diskusi ini tertubuhlah sebuah organisasi Islam yang masyhur di Medan Sumatera Utara, dengan nama Al-Jam'iyatul Washliyah.<sup>2</sup>

Kemudian pada 28hb Mac 1933M, bermulalah usaha dakwah Islamiah yang pertama ke Porsea (Toba), di mana kaum Muslimin yang telah menjadi mualaf di sana mengharap sangat akan kedatangan para pendakwah dan guru-guru agama Islam untuk mengajar mereka mengenai ajaran agama Islam yang sebenarnya. Sehingga pada 5hb April 1933M berangkatlah H. A. Qadir, H.

---

<sup>1</sup> MIT (Maktab Islamiah Tapanuli) ialah sebuah madrasah yang didirikan pada 19 Mei 1918M di Medan, Sumatera Utara merupakan sebuah madrasah kecil saksi bisu lahirnya *Al-Washliyah*. Madrasah ini tidak bisa dipisahkan dari sejarah penubuhan *Al-Washliyah*. Kerana di tempat inilah *Al-Washliyah* pertama kali dirasmikan yang dipelopori oleh para pelajar sekolah tersebut. Para guru yang mengajar di maktab tersebut di antaranya adalah; Hj. Ja'far Hassan. Hj. Muhammad Yunus. M. Nurdin Amin, *Peran Al-Washliyah dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi Al-Washliyah* (Medan: Univa Press, 2008), 32-35. Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara* (Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1982), 177.

<sup>2</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad* (1955), ed.1, (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955), 34-38.

jusuf Ahmad Lubis, H. Hasyim dan Abdul Rahman Syihab sebagai utusan pendakwah al-Washliyah untuk merintis usaha dakwah yang pertama di Porsea. Sekembalinya mereka daripada berdakwah di Tanah Batak, mereka mengungkapkan suatu perkara yang tidak dapat diabaikan iaitu pengiriman guru agama Islam ke Porsea mesti dilakukan secara berterusan.<sup>3</sup>

### **Pengenalan al-Jam'iyat al-Washliyah**

Al-Washliyah ditubuhkan oleh alumni Maktab Islamiyah Tapanuli dan Madrasah Hasaniyah seperti Abdurrahman Syihab, Ismail Banda, Muhammad Arsyad Thalib Lubis. MIT adalah salah satu madrasah tertua dan terkenal semasa era penjajahan Belanda, yang ditubuhkan oleh masyarakat Tapanuli di Medan, Sumatera Utara pada 19 Mei 1918M.

Pada 26hb Oktober 1930M, sebuah perjumpaan utama telah diadakan di Maktab Islamiah Tapanuli Medan yang terdiri daripada para ulama, guru-guru, para pelajar MIT serta para pemimpin agama di Medan dan sekitarnya, di bawah pimpinan Ismail Banda sebagai anggota tertua masa itu. Dalam pertemuan tersebut, setelah mengadakan perbincangan mendalam, mereka sepakat untuk menubuhkan sebuah persatuan yang bertujuan untuk memajukan dan menyebarkan syiar Islam di Medan Sumatera Utara dan di Indonesia amnya. Maka tertubuhlah organisasi masyarakat Islam yang terkenal di Sumatera Utara dengan nama Al-Jam'iyatul Washliyah. Nama Al-Jam'iyatul Washliyah adalah pemberian Muhammad Yunus.<sup>4</sup> Nama organisasi ini semakin melonjak dengan karisma para ulamanya serta sokongan Syeikh Hasan Maksum yang merupakan Mufti Kerajaan Deli ketika itu. Oleh sebab itu, al-Washliyah dipandang sebagai organisasi yang berasal daripada ulama dan melahirkan ramai ulama.

Al-Jam'iyatul Washliyah, yang dikenali sebagai al-Washliyah, bermaksud perhimpunan yang menghubungkan. Maka cita-cita al-Washliyah ialah untuk menghubungkan antara manusia dengan Tuhan-Nya dan manusia dengan manusia, serta antara

---

<sup>3</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad*, 42.

<sup>4</sup> Muhammad Yunus ialah seorang ulama, pimpinan MIT dan pengasas organisasi Al-Washliyah. *Peringatan al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad*, 404.

manusia dengan alam persekitarannya.<sup>5</sup> Secara amnya, al-Washliyah lebih menumpukan kepada pendidikan. Perkara ini dapat dilihat daripada usaha berterusan al-Washliyah dalam mengembangkan pendidikan, seperti mendirikan sekolah, madrasah hingga pendidikan tinggi. Selain itu, sebagai organisasi Islam, organisasi ini juga aktif dalam menyebarkan dakwah. Salah satu daerah yang menjadi lokasi dakwah mereka di Sumatera Utara ialah Tanah Batak Toba. Kaedah yang diambil oleh organisasi ini dalam berdakwah adalah dengan menghantar para pendakwah ke Tanah Batak Toba. Kegiatan Dakwah telah dimulakan sejak tahun 1968M. Pada masa itu para pendakwah al-Washliyah mulai aktif menyebarkan agama Islam di Tanah Toba secara berterusan hingga ke hari ini.<sup>6</sup>

Namun, usaha yang dilakukan oleh para pendakwah tersebut juga menghadapi cabaran, terutama cabaran yang timbul daripada adat istiadat orang Batak Toba yang bukan beragama Islam. Walau bagaimanapun, para pendakwah al-Washliyah tetap aktif menyebarkan agama Islam di lokasi tersebut. Usaha yang berterusan hingga ke hari ini telah menghasilkan kejayaan. Kejayaan ini dapat dilihat daripada peningkatan jumlah umat Islam di kawasan tersebut. Dengan kata lain, para pendakwah berjaya menjalankan misi dakwah di wilayah tersebut. Berdasarkan maklumat diatas, dapat difahami bahawa dinamika dakwah yang dilakukan oleh organisasi al-Washliyah terhadap masyarakat di Tanah Toba Sumatera Utara sangat menarik untuk penyelidikan lebih lanjut. Perihal ini disebabkan banyaknya cabaran yang dihadapi oleh organisasi ini dalam menjalankan aktiviti dakwah di sana. Oleh itu, tulisan ini akan membincangkan lebih mendalam berkenaan dengan dakwah Islam di Tanah Batak Toba, Sumatera Utara.

### **Pengenalan Suku Batak Toba Sumatera Utara Istilah Batak**

Penggunaan istilah “Batak” untuk suku ini belum diketahui secara jelas asal usulnya. Ada yang berpendapat bahawa istilah ini muncul setelah kedatangan sekumpulan migran ke Tanah Batak dan ada juga yang berpendapat bahawa nama Batak itu wujud dengan sendirinya setelah Siraja Batak ada. Ada banyak pendapat

---

<sup>5</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad*, 34-38.

<sup>6</sup> *Buku Panduan* (Medan: Fakulti Hukum Universiti Al-Washliyah, 1995), 1.

yang dikemukakan mengenai kemunculan istilah Batak dalam penamaan suku ini. Istilah Batak adalah perkataan yang berasal daripada kata “Bataha” yang merupakan nama sebuah negeri di Burma. Daripada kata Bataha, bertukar menjadi kata “Batak”. Dalam kesusasteraan khusus bahawa Melayu, istilah Batak bukan sahaja bermaksud nama sebuah suku di Sumatera Utara, akan tetapi juga bermaksud mengembara, petualang, menyamun dan merompak.<sup>7</sup> Sementara itu, menurut H. N. Vander Tuuk, Batak bermaksud orang kafir, sedangkan yang lain mentafsirkannya sebagai hamba. Tidak pasti, apakah erti kata Batak tersebut hanya kebetulan atau ada kaitannya dengan tingkah laku buruk orang Batak dalam sejarah kehidupannya. Berdasarkan huraian di atas, kemungkinan besar bahawa perkataan Batak, berasal daripada sebutan Bataha, sebuah desa di Burma.<sup>8</sup> Perubahan ejaan ini berlaku kerana dalam tulisan Batak lama tidak ada huruf ‘k’ sementara setiap huruf ‘h’ di akhir kata diucapkan sebagai huruf ‘k’. Seperti Bataha menjadi Batak, Habatahori menjadi Habatakori. Terdapat juga beberapa pandangan lain mengenai asal nama Batak, iaitu:

- a. Nama yang disandarkan kepada seorang Raja Batak.
- b. Berasal daripada perkataan ‘Batok’ yang mempunyai makna keras, kasar.
- c. Juga daripada kata ‘Beratak-atak’ iaitu rumah yang tersusun rapi, kemudian berubah sebutan menjadi batak-batak, yang akhirnya menjadi istilah Batak.

Yakni suku Batak adalah salah satu suku di Indonesia yang sangat teguh memegang adat istiadat serta tradisi kebudayaan mereka. Antara tradisi masa lalu mereka ialah tidak menyukai orang asing, kerana dalam fikiran mereka orang asing adalah

---

<sup>7</sup> Departemen Pendidikan Nasional, *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, cet. ke-3 (Jakarta: Balai Pustaka, 2005), 111. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (ed. 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 78.

<sup>8</sup> Burma ialah sebuah negara di Asia tenggara. Ia terletak di sepanjang teluk Benggala. Rangoon, ibu negara Burma dan bandar terbesar terletak di delta ini. Penduduk Burma dikenali sebagai orang Burma. Sebahagian besar daripada mereka beragama Buddha, agama lain yang dianuti ialah agama Kristian, Hindu, dan Islam. Manusia tinggal di Burma sejak zaman prasejarah. Beberapa buah kerajaan muncul dan tumbang dari tahun 1000-an Masihi hingga tahun 1800-an Masihi. *Ensiklopedia Dunia*, ed. 1 (t.tp., t.p., t.t.), 4:461.

penjajah dan menjadi musuh suku mereka. Tanah Batak, pada zaman kuno sebelum era penjajahan dikenal dengan negeri Toba yang berdaulat, rajanya sangat berkuasa pada masa itu, bermula daripada dinasti Sorimangaraja, kemudian diwarisi oleh Sisingamangaraja,<sup>9</sup> ibu negerinya ialah Bakkara. Dalam sejarah suku Batak Toba, suku ini memiliki nenek moyang yang sama daripada si Raja Batak, yang menganut budaya *Dalihan Na Tolu*.<sup>10</sup>

### **Tanah Batak**

Tanah Batak, adalah daerah permukiman di sekeliling Danau Toba, yang terletak di pulau Sumatera bahagian utara yang sebelumnya bernama Pulau Morsa, yang merupakan pulau tempat banyak ular sa (sawah) berada.<sup>11</sup> Tanah Batak merupakan sebuah kawasan tempat permukiman salah satu suku bangsa Indonesia yang beretnik Batak. Tanah Batak terletak di Pulau Sumatera sekitar 0.5° - 3.5° Utara dan 97.5° – 100° Timur. Boleh dikatakan bahawa seluruh Tapanuli dan sebahagian besar Sumatera Timur termasuk dalam wilayah Tanah Batak. Luas Tanah Batak adalah 50,000 KM (sekitar 1/9 luas Sumatera), di tengahnya terdapat dataran tinggi dengan barisan pergunungan yang menjulang tinggi deretan Bukit Barisan.<sup>12</sup> Istilah Tanah Batak, kemudian ditukar menjadi Tapanuli, perkara ini terjadi setelah penduduk menemui tempat rekreasi yang menarik dengan nama: “*Tapian Nauli*” (tepi

---

<sup>9</sup> Sisingamangaraja merupakan nama Raja Batak. Mulai daripada I hingga yang ke XII. Yang terkenal sebagai pahlawan Nasional Indoneisa ialah Sisingamangaraja ke XII, beliau Raja di Bakkara dekat Danau Toba, Sumatera Utara. Ia dipandang sebagai keramat oleh orang Batak. Ia gugur dalam pertempuran melawan Belanda dalam awal abad ke-20. *Ensiklopedi Indonesia* (Jakarta: Ichtar Baru-Van Hoeve, 1984), 6: 3190-3191.

<sup>10</sup> *Dalihan Na Tolu* iaitu tiga kaki tungku, melambangkan struktur sosial kehidupan masyarakat Batak, yang terdiri daripada kelompok Dongan Sabutuha, Hulahula, dan Boru. Doangsa PL. Situmeang, *Dalihan Na Tolu Sistem Sosial Kemasyarakatan Batak Toba* (Jakarta: Dian Utama, 2007), 205. Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*, 153. Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak* (Jakarta: Bumi Aksara, 2010), 59-67. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (cet. 1, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 1:423.

<sup>11</sup> E. ST. Harahap, *Perihal Bangsa Batak* (Jakarta: Perpustakaan Universiti Malaya, 1985), 9.

<sup>12</sup> N. Siahaan BA, *Sejarah Kebudayaan Batak* (Medan: CV. Napitupulu & Son, 1964), 17.

pantai yang indah), lokasinya tidak jauh dari Kota Sibolga<sup>13</sup> di bahagian utara, tempat tersebut ditemukan oleh para peniaga yang kerap berkunjung ke daerah pesisir pantai barat Pulau Sumatera. Lawatan para peniaga tersebut untuk membeli hasil bumi yang banyak diperdagangkan pada masa itu, iaitu Kapur Barus. Berdasarkan sejarah tersebut, maka nama Tanah Batak berubah menjadi Tapanuli.<sup>14</sup> Namun, Tanah Batak yang menjadi fokus utama dalam kajian ini ialah Tanah Batak Toba, yang merupakan bagian daripada wilayah Sumatera Utara.

### **Asal Usul Suku Batak Toba**

Bukti yang kuat secara pasti tidak ditemukan mengenai bila bermulanya keturunan nenek moyang suku Batak bermukim di wilayah Sumatera, tetapi banyak sudah para sejarawan serta antropologi menyatakan pendapat mereka berkaitan perkara ini, namun mereka memiliki pandangan yang berbeza-beza. Perbezaan ini disebabkan oleh tidak adanya peninggalan sejarah yang dapat menjadi bukti kuat untuk memastikan asal usul suku Batak. Berikut ini penulis mendedahkan mengenai asal usul suku Batak Toba berdasarkan kajian sejarah dan antropologi serta menurut mitologi.

#### **1. Menurut Kajian Sejarah dan Antropologi**

Suku Batak Toba ialah salah satu bangsa yang tergolong dalam sub-rumpun Melayu, termasuk yang tertua di Indonesia.<sup>15</sup> Ada yang berpendapat bahawa orang Batak sudah berada disana semenjak 800 – 1000 tahun yang lalu. Namun, ada juga pengkaji yang berpendapat bahawa orang Batak telah wujud lebih daripada 1500 – 2000 tahun yang lalu. Menurut pendapat Parlindungan, bahawa orang-orang Batak Toba berasal dari pergunungan Burma

---

<sup>13</sup> Sibolga adalah salah satu Kota di provinsi Sumatera Utara Indonesia, terletak di pantai barat pulau Sumatera serta berada pada kawasan teluk Tapan Nauli. *Ensiklopedi Indonesia*, 6: 3452.

<sup>14</sup> Tapanuli ialah istilah kepada kebanyakan masyarakat yang menduduki daerah pesisir pantai barat wilayah Sumatera Utara, istilah ini berasal daripada kata Tapan Nauli yang bersetempatan dengan Danau Toba.

<sup>15</sup> Suku Batak Toba adalah salah satu bahagian daripada suku Batak di Indonesia, penyebaran suku ini meliputi daerah Tapanuli Utara, Toba Samosir, Humbang Hasundutan, sebahagian Dairi dan Tapanuli Tengah. [m.ensiklopedia.gilland-group.com](http://m.ensiklopedia.gilland-group.com)



dan Siam, yang telah tiba di Tanah Batak lebih dari 1000 tahun sebelum masihi. Kedatangan imigran itu berlangsung dalam tiga tahap. Tahap pertama, para imigran tersebut mendarat di Pulau Nias, Mentawai dan Siberut. Tahap kedua adalah melalui Muara Sungai Simpang dan tahap ketiga melalui Muara Sungai Sorkam. Bermula dari sini mereka menaiki pergunungan untuk mencapai tasik yang dikenal dengan Danau Toba, serta mereka menetap di kaki gunung tersebut.<sup>16</sup> Menurut versi sejarah, bahawa Siraja Batak dan rombongannya datang ke Sumatera melalui kerajaan Thai terus ke Semenanjung Malaya, kemudian melintasi Pulau Sumatera dan menetap di pinggir Danau Toba. Versi lain pula beranggapan kedatangan mereka dari India terus menuju ke Barus, kemudian terus mengembara ke Alas Gayo sehingga mereka menetap di pinggir Danau Toba.<sup>17</sup>

Mengenai asal usul suku Batak Toba, Pedersen mengatakan bahawa kebudayaan Batak pada tahun 2000SM hingga 1500SM telah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu-Buddha di bahagian selatan Sumatera Utara. Oleh sebab itu, ini menunjukkan bahawa pada tahun 2000SM, Tanah Batak telah ada penduduk yang mendiaminya, yang disebut suku Batak. Adapun orang Batak pertama yang bermukim di pinggir Danau Toba adalah orang yang berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain, dengan menanam tumbuh-tumbuhan yang berumbi serta menanam padi tidak menggunakan teknologi dari logam.<sup>18</sup>

## **2. Menurut Mitologi Batak**

Batak Toba adalah suku yang kaya dengan mitos. Mitos tersebut banyak yang berkaitan dengan Debata (Tuhan), dewa-dewa mahupun tentang penciptaan bumi, langit, manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Semua mitos diceritakan oleh nenek moyang mereka kepada generasi mereka melalui mulut ke mulut dari generasi ke generasi. Mitos tersebut dikemas dalam kisah dongeng

---

<sup>16</sup> Mangaraja Onggang Parlindungan, *Tuanku Rao* (Medan: Tanjung Pengharapan, 1964), 614.

<sup>17</sup> Richard Sinaga, *Leluhur Marga-Marga Batak dalam Sejarah Silsilah dan Legenda* (Jakarta: Dian Utama, 1997), 6.

<sup>18</sup> Paul Bodholdt Pedersen, *Darah Batak dan Jiwa Protestan* (Jakarta: Gunung Mulia, 1975), 16-17.

(turi-turian).<sup>19</sup> Menurut mitologi Batak bahawa asal mula suku Batak, bahkan kejadian awal mula manusia di muka bumi, berasal dari Tanah Batak iaitu dari Pusuk Buhit, kaki gunung yang terletak di pinggir Pulau Samosir. Pulau ini berada di tengah-tengah Danau Toba, kini menjadi pulau tujuan pelancongan dunia.

Sekiranya mitos ini dianalisis berdasarkan kajian antropologi, dapat difahami bahawa suku Batak kuno, pada era Siraja Batak termasuk komuniti yang terasing dan belum membuka diri dengan dunia luar, sehingga timbul suatu pendirian suku Batak pada masa itu dengan menyatakan bahawa mereka adalah satu-satunya golongan manusia yang mendiami bumi ini, serta mereka menyangka suku bangsa lain belum ada atau sama sekali tidak ada. Huraian di atas menunjukkan salah satu mitologi orang Batak yang menjelaskan asal mula manusia, serta asal mula suku Batak dari sudut kepercayaan mereka.

### **3. Kepelbagaian Suku Bangsa Batak**

Sumatera Utara terkenal dengan kepelbagaian budaya yang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang patut dikagumi dan diberi penghargaan terhadapnya. Dalam kajian ini, penulis menghuraikan mengenai suku bangsa Batak yang menduduki wilayah Batak Sumatera Utara dan sekitarnya. Masyarakat Batak sudah berabad-abad bermukim dan menetap di Tanah Batak, mereka hidup dalam keadaan harmoni dan damai di pergunungan dan di dataran tinggi mahupun rendah sekitar Danau Toba. Mereka melihat tanah yang subur untuk pertanian serta ladang-ladang yang luas untuk dimanfaatkan, sungai-sungai dan tasik yang indah untuk dinikmati. Mereka terpesona sehingga sangat berminat untuk tinggal dan menetap di Danau Toba.<sup>20</sup>

Kepelbagaian salasilah dalam masyarakat Batak Toba timbul dan terbentuk daripada sistem kekeluargaan yang ada dalam suku Batak. Yang adakalanya berdasarkan garis keturunan dan berdasarkan sosiologi. Kekeluargaan yang berasal daripada garis

---

<sup>19</sup> Mitos merupakan cerita rakyat yang bersifat *absurd* yang tidak dapat dicerna oleh akal fikiran manusia, walau bagaimanapun mitos tetap menjadi suatu hal yang misteri, hanya kepercayaan yang dapat menerimanya. Mariasuai Dhavamony, *Fenomenologi Agama* (Yogyakarta: Kanisius, 1995), 153.

<sup>20</sup> O. L. Napitulu S. H, *Perang Batak Perang Sisingamangaradja* (Jakarta: P. T. Sahid, Yayasan Pahlawan Nasional Sisingamangaradja, 1972), 64.

keturunan ini dikenal dengan istilah Tarombo (silsilah marga) yang berasal daripada Siraja Batak. Sedangkan kekeluargaan yang berasal daripada sosiologi boleh terjadi berdasarkan perjanjian-perjanjian tertentu seperti perkahwinan dan lain-lain.<sup>21</sup> Dalam perkembangan sejarah suku Batak Toba, garis keturunan dalam sistem kekeluargaan diambil daripada pihak bapa (*patrilineal*). Kaum lelaki menjadi penentu dalam membentuk hubungan kekeluargaan. Dalam organisasi sosial orang Batak memakai ikatan sedarah yang dikenal dengan istilah *marga*.<sup>22</sup> Sistem marga ini dikatakan telah wujud semenjak pertengahan abad ke-14 yang lepas. Marga adalah salah satu identiti orang Batak, dan juga merupakan elemen utama dalam sistem kekeluargaan. Jadi setiap orang Batak Toba sudah pasti tergolong dalam salah satu kelompok marga tertentu, dan setiap anggota dalam kelompok marga tertentu menganggap diri mereka menjadi kesatuan yang berasal daripada nenek moyang yang sama. Marga Batak Toba seperti: Marpaung, Simangunsong, Manurung, Pohan, Pasaribu, Butarbutar, Napitulu dan lain-lain. Semua marga ini diambil daripada keturunan lelaki sahaja, sehingga orang Batak merasakan kehidupan mereka lengkap jika mereka ada anak lelaki sebagai penerus marganya. Dalam buku "*Leluhur Marga-Marga Batak*" menjelaskan bahawa jumlah keseluruhan marga Batak adalah sekitar 416 marga.<sup>23</sup>

#### 4. Agama Masyarakat Batak

Pada zaman dahulu, majoriti masyarakat Batak tinggal di tempat terpencil dataran tinggi pergunungan Toba, oleh itu mereka kurang bersosial dengan bangsa lain. Namun, setelah bergaul dengan bangsa lain, kehidupan mereka mulai terbuka, mereka mulai meninggalkan kepercayaan lama mereka dan menerima ajaran

---

<sup>21</sup> Wasinton Hutagalung, *Tarombo-Marga ni Suku Batak* (Medan: U. D. Bahagia, 1961), 51.

<sup>22</sup> Marga adalah satuan kelompok orang yang berasal daripada keturunan seasal atau daripada seorang Datuk yang sama, dalam keturunan yang diambil dari garis patrilineal (pihak bapak). Haji Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar bahasa Melayu* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1995), 1129.

<sup>23</sup> Zulyani Hidayah, *Ensiklopedi Suku Bangsa di Indonesia* (Jakarta: LP3ES, 1996), 43-44.

baru mereka iaitu Islam dan Kristian.<sup>24</sup> Terkini, kebanyakan orang Batak telah memeluk agama Kristian melalui *mubaligh* Kristian dan sebahagian mereka telah beragama Islam. Masih ada juga suku Batak yang menganut agama Malim yang berfahaman animisme dan dinamisme, tetapi sekarang penganut kepercayaan ini telah berkurang.<sup>25</sup> Suku Batak, sebelum mereka menganut agama tertentu seperti agama Islam atau Kristian, mereka sudah memiliki kebudayaan dan kepercayaan kepada *Debata Mulajadi Nabolon* yang memiliki kekuasaan di langit dan di bumi melalui *Debata Na Tolu*.<sup>26</sup>

Seluruh kehidupan orang-orang Batak pada masa paganisme diserap oleh konsep kepercayaan mereka. Hampir tidak ada suatu lingkaran hidup dan perilaku orang Batak yang tidak dibimbing oleh motif kepercayaan nenek moyang mereka. Paganisme bagi orang Batak merupakan campuran daripada kepercayaan keagamaan kepada dewata, pemujaan yang bersifat animisme dan dinamisme terhadap roh orang yang sudah mati atau benda-benda mati yang dianggap memiliki kekuatan yang keramat. Seluruh

---

<sup>24</sup> Zulyani, *Ensiklopedi Suku Bangsa di Indonesia*, 43.

<sup>25</sup> **Malim** (pengikutnya disebut Parmalim) sebenarnya adalah identitas pribadi, sementara kelembagaannya disebut Ugamo Malim. Agama ini merupakan peninggalan Raja Batak Sisingamangaraja. Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak*, 76. **Animisme** adalah kepercayaan yang melibatkan pemujaan roh dan semangat alam semula jadi. Kepercayaan kepada makhluk halus dan roh dipercayai merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula muncul dalam kalangan manusia primitif purba kala, perkara begini berlaku dalam amalan kepercayaan tradisi di kalangan penduduk Asia Tenggara. Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama*, ed. ke-2 (Jakarta: Proyek IAIN, 1981), 25-27. *Ensiklopedia Dunia*, 1: 621. **Dinamisme** merupakan suatu anggapan yang memandang bahawa alam semesta pada hakikatnya terdiri dari kekuatan-kekuatan. Dinamisme disebut juga *Pre animisme* yang mengajarkan bahawa setiap benda atau makhluk mempunyai kekuatan ghaib yang rahsia. *Ensiklopedi Indonesia*, 2: 825. Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama*, 2:93-99.

<sup>26</sup> *Debata Na Tolu* adalah kepercayaan orang Batak terhadap tiga dewa dalam satu iaitu Batara Guru, Soripada dan Mangalabulan, yang merupakan bahagian daripada masing-masing fungsi *Debata Mulajadi Nabolon* (sosok Pencipta). Ketiga nama debata ini diambil daripada Trimurti Hindu, sedangkan *Debata Mulajadi Nabolon* adalah Debata asli orang Batak. Sinaga, *The Toba Batak High God: Transcendence and Immanence*, (Augustin West Germani: Anthropos Institute, 1981), 79-85.

kehidupan beragama orang Batak, ada 5 dewa yang mereka akui yang memainkan peranan penting dalam kehidupan mereka, yaitu Batara Guru, Soripada, Mangalabulan, Mulajadi Nabolon dan Debatasiasi. Ketiga dewata yang pertama nampaknya diambil daripada Trimurti Hindu, sementara Mulajadi dan Debata, adalah dewata asli orang Batak.<sup>27</sup>

Dalam kepercayaan paganisme orang Batak, *Debata Mulajadi Nabolon* adalah Tuhan Yang Maha Esa, yang maha pencipta dan maha berkuasa yang tidak mempunyai permulaan dan akhir. Segala sesuatu bermula daripada-Nya. Dia tidak beranak dan tidak diperanakkan, Dia mampu menjadikan sesuatu dengan hanya berucap” jadi maka jadilah ia”. Sifatnya yang demikian diibaratkan dengan *Ompu Raja Mulajadi*.<sup>28</sup> Selain daripada kepercayaan tersebut, banyak juga didapati masyarakat Batak yang masih menyembah berhala dan sipelebegu. Fahaman sipelebegu muncul setelah berlakunya perang saudara di antara mereka. Fahaman ini dibawa oleh para Datu yang disebut dengan Datu Parutiutian (bomo jahat), yang mengharuskan pemujaan kepada roh nenek moyang. Lambat laun pemahaman sipelbegu berkembang dan menjadi fahaman ilmu hitam (*black magic*), iaitu ilmu yang digunakan untuk berbuat jahat.<sup>29</sup> Walaupun berkembang dengan pesat amalan ilmu hitam ini, namun majoriti orang Batak masih tetap berpegang teguh dengan ajaran nenek moyang mereka iaitu aliran ilmu putih yang mempercayai *Debata Mulajadi Nabolon*. Kemudian para pengikut aliran ilmu putih ini dikenal dengan Parmalim, sedangkan agamanya bernama Malim, kemudian berkembang sebagai agama asli orang Batak, terutama pada masa itu belum ada agama lain seperti agama Kristian dan Islam yang masuk ke Tanah Batak.<sup>30</sup>

## Adat dan Budaya Batak

---

<sup>27</sup> St. Augustine, *The Toba Batak High God: Transcendence and Immanence*, terj., Sinaga (West Germany: Antropos Institute, 1981), 80-85.

<sup>28</sup> Batara Sangti, *Sejarah Batak* (Balige: Karl Sianipar Company, 1978), 326.

<sup>29</sup> Pelbegu ialah hantu atau roh jahat yang dipercayai terdapat di tempat-tempat tertentu. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, cet.1 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970), 88, entri” pelbegu”.

<sup>30</sup> O. L. Napitupulu, *Perang Batak Perang Sisingamangaraja* (Jakarta: Yayasan Pahlawan Nasional Sisingamangaraja, 1972), 127.

Adat Istiadat merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada budaya, berbicara mengenai budaya suatu suku bangsa bermaksud berbicara mengenai adat istiadat bangsa tersebut, dengan kata lain untuk mengetahui budaya suatu bangsa maka perhatikan adat istiadat yang menonjol daripada suku bangsa tersebut. Pada zaman dahulu semua kehidupan masyarakat Batak terkandung dalam adat istiadat mereka, memberikan rasa ketenangan dalam kehidupan sosial, kerana kehidupan seharian mereka selalu berpandukan kepada hukum adat istiadat yang berlaku mereka. Orang Batak sudah lama terikat dengan adat istiadat mereka. Mereka memegang teguh adat istiadatnya, akan tetapi perkara itu bergantung pada keadaan dan suasana kehidupan mereka, kerana adat istiadat ialah sebagai getah, boleh diulur, dipilih dan ada pula yang disesuaikan dengan zaman dan perjalanan sejarah.<sup>31</sup> Namun, akhir-akhir ini sering terjadi asimilasi dan akulturasi budaya, iaitu percampuran kebudayaan yang dibawa oleh bangsa asing, yang dapat mempengaruhi sikap adat istiadat suku Batak, sehingga timbul sikap goyang mereka terhadap mematuhi dan melaksanakan adat istiadat warisan nenek moyang mereka.

Ada tiga tingkat adat istiadat dalam kehidupan suku Batak Toba, iaitu:

- a. Adat utama iaitu kepercayaan bahawa semua yang berlaku di dunia ini adalah ciptaan *Debata Mulajdi Nabolon*. Adat ini tidak akan berubah.
- b. Adat na taradat iaitu yang dimiliki oleh setiap orang, kumpulan, desa dan negeri. Adat ini menerima unsur-unsur dari luar, selagi ianya bersesuaian dengan adat Dewata.
- c. Adat na niadathon iaitu adat yang berlawanan dengan adat inti dan na taradat. Ini adalah konsep baru dari agama lain seperti Islam dan Kristian, mereka menganggap adat ini bertentangan dengan agama orang Batak dan tradisi nenek moyang mereka.<sup>32</sup>

---

<sup>31</sup> E. ST. Harahap, *Perihal Bangsa Batak* (Jakarta: Dewan Bahasa Jakarta, 1958), 82.

<sup>32</sup> Nofa Liani Br. Nainggolan, "Aktivitas Komunikasi Prosesi Mangulosi, Penyematan Ulos Dalam Pernikahan Adat Suku Batak Toba di Kota Cirebon" (Disertasi, Universitas Komputer Indonesia, Bandung, 2020), 43-44.

Berdasarkan peringkat adat yang dihuraikan di atas, kebanyakan orang Batak masih berpegang teguh dengan adat tingkatan kedua, walaupun ada beberapa kumpulan suku Batak sudah mengamalkan adat peringkat ketiga, secara sedar atau tidak sedar. Oleh itu, adat istiadat dalam suku Batak mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan sosial dalam kalangan mereka. Seperti kata pepatah adat istiadat mereka: “*Adat do ugari, Sinihathon ni mulajadi. Siradotan manipat ari, salaon di si ulubalang arai. Ia adat ido ugari, Ale guru sainganon. Radotan manipat ari, Salaon di ahason*”. Maksudnya: Adat istiadat adalah undang-undang Tuhan yang tersirat (tidak tertulis), yang diturunkan kepada nenek moyang terdahulu, yang harus dipercayai oleh penganutnya, seperti tiga konsep yang berkaitan dengan iwa dan roh iaitu Tondi, Sahala dan Begu.<sup>33</sup>

Dari segi budaya, suku Batak Toba pada dasarnya memiliki budaya dan falsafah hidup yang dilindungi oleh setiap masyarakat. Kebudayaan suku Batak berasal daripada nenek moyang mereka yang sama iaitu Si Raja Batak, yang tinggal di desa Sianjur Mula-Mula sekitar Danau Toba, masyarakat desa inilah yang pertama kali menjadi pendukung kebudayaan yang disebut budaya Batak.<sup>34</sup> Budaya dan falsafah hidup tersebut berfungsi sebagai nilai yang mengontrol dalam sistem sosial. Begitu juga pada Suku Batak, suku Batak Toba juga memiliki nilai-nilai budaya, antaranya:

- a. **Hagabeon.** Dalam Suku Batak bermakna harapan memiliki anak dan cucu yang baik dan panjang umur. Dengan umur yang panjang diharapkan mereka dapat mengahwini anak-anak mereka dan mendapat keturunan yang baik pula. Bagi suku ini, anak-anak merupakan simbol kejayaan dalam perkahwinan, terutama anak lelaki, yang merupakan penerus salasilah keluarganya
- b. **Hamoraan.** Dalam adat Suku Batak nilai budaya hamoraan mempunyai makna kehormatan. Aspek kehormatan yang dimaksudkan adalah keseimbangan antara nilai material dan spiritual.
- c. **Marsisarian.** Dalam sistem sosial, nilai-nilai yang mengatur keseimbangan antara hubungan manusia selalu diperlukan. Sebab

---

<sup>33</sup> J. C Vergouwen, *Masyarakat dan Hukum Adat Batak Toba* (Yogyakarta: LKiS, 2004), 91.

<sup>34</sup> N. Siahaan BA, *Sejarah Kebudayaan Batak* (Medan: Napitupulu&Son, 1964), 17.

selalu ada perbezaan dalam kumpulan manusia. Sehingga nilai dan peraturan ini menjadi rujukan dalam kelangsungan hidup manusia. Marsisarian bermaksud saling menghargai, memahami dan saling menolong.

d. **Pengayoman.** Nilai pengayoman dalam Suku Batak terbilang cukup unik. Dengan nilai ini mereka menjadi terbiasa hidup berdikari dan tidak mudah meminta belas kasihan kepada orang lain. Sebab salah satu prinsip adat mereka bahawa setiap orang merupakan penjaga dan saling menjaga satu sama lain. Prinsip ini berasal dari elemen yang dikenali sebagai *Dalihan Na Tolu*.

e. **Uhum dan Ugari.** Nilai ini mempunyai makna yang sama dengan undang-undang. Bagi orang Batak undang-undang atau uhum adalah sesuatu hal yang mutlak benar-benar dikuatkuasakan. Implementasi nilai-nilai ini ditunjukkan melalui sikap keadilan. Nilai keadilan itu sendiri diwujudkan dari komitmen untuk melakukan kebiasaan (ugari) dan kesetiaan terhadap janji.

f. **Kekerabatan.** Nilai kekerabatan merupakan nilai budaya yang paling utama pada masyarakat suku Batak. Nilai ini menjunjung tinggi prinsip adat iaitu *Dalihan Na Tolu*. Tiga kerabat itu ialah *hula-hula*, *longan sabutuha* dan *boru*. Hal ini dapat dilihat dari hubungan kekerabatan yang baik antara sesama sub suku. Biasanya berlaku kepada suku Batak yang mengembara. Umumnya mereka mencari hubungan pertalian sesama marganya.<sup>35</sup>

Dari pendedahan ini, dapat diketahui bahawa Indonesia sangat kaya adat budaya, etnik, bahasa dan kepercayaan. Potensi budaya di Indonesia adalah satu perkara yang mesti dilestarikan. Selain sebagai bentuk warisan bagi generasi bangsa, ia juga merupakan *icon* yang menjadi pembeza dengan negara lain.

### **Masuknya Agama Islam di Tanah Batak**

Mengenai proses masuknya Islam di Tanah Batak, hingga kini masih belum ada kepastian yang dapat dinyatakan sebagai hasil kajian, namun menurut fakta sejarah, agama Islam memasuki Tanah Batak bermula di daerah Barus sebagai penghasil kapur barus dan kemenyan.<sup>36</sup> Melalui para peniaga yang

---

<sup>35</sup> H. M. Z. Harahap, *Asal Usul Marga Harahap* (Bandung: Tarsito, 1992), 86.

<sup>36</sup> Barus terletak di Tapanuli Tengah, Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Pada zaman Belanda, Barus merupakan kerajaan Melayu yang terletak di



memperdagangkan kedua jenis hasil pertanian tersebut, peniaga ini berasal dari Timur Tengah yang semuanya beragama Islam.<sup>37</sup> Berdasarkan buku Nuchbatuddar ditulis oleh Addimasqi, beliau mengatakan bahawa Barus merupakan daerah awal masuknya agama Islam di Nusantara sekitar abad ke-7 Masihi, dengan bukti adanya sebuah makam kuno di kompleks penguburan Mahligai Barus, di atas batu nisannya ditulis Rukhnuddin wafat tahun 672M. Ini menyatakan bahawa komuniti Muslim di Barus sudah ada pada masa itu.<sup>38</sup>

Peniaga Islam yang terdiri dari orang Arab, Aceh dan bangsa lainnya tinggal dan hidup secara sederhana di Barus dan sekitarnya, sehingga terjadilah proses awal Islamisasi kepada segelintir orang Batak dan lebih lanjut berlaku perkahwinan antara pedagang Arab dengan penduduk tempatan.<sup>39</sup> Akhirnya, mereka memiliki kehidupan yang baik dan pengaruh yang cukup besar dalam masyarakat mahupun pemerintah (Kerajaan Buddha Sriwijaya). Bahkan ada antara mereka yang berkuasa dipelbagai bandar Barus. Sebilangan besar dari mereka bersahabat dan mempunyai hubungan keluarga dengan raja, bangsawan atau pegawai kerajaan Sriwijaya. Mereka menjadi penasihat raja, adipati atau pemerintah tempatan, dengan demikian semakin lama semakin banyak penduduk setempat menjadi penganut agama Islam. Bahkan raja, adipati serta pemerintah tempatan yang akhirnya memeluk Islam, tentunya dengan cara damai tanpa perang dan pertumpahan darah.

---

Afdeeling Bataklanden (Residensi Tapanuli). Barus juga dikenal sebagai Fansur dalam sumber Arab. Menurut istilah Arab, 'Fansur' ialah kapur barus berkualiti tinggi yang menjadi eksport utama Barus. Sejak abad ke-10, saudagar asing mula mengunjungi Barus. Barus menjadi masyhur pada abad ke-16 dan menjadi negeri kosmopolitan. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, 1: 421.

<sup>37</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII* (Indonesia: Kencana: 2005), 3:9. Wan Ahmad, *Sejarah Islam di Indonesia* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1989), 4-5.

<sup>38</sup> Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia, *Risalah Seminar Sedjarah Masuknja Islam Ke Indonesia* (Kuala Lumpur: Pustaka Raya & Perpustakaan Universiti Malaya, 1963), 62-63.

<sup>39</sup> Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak* (Jakarta: Bumi Aksara, 2010), 83.

Sebuah dokumen kuno dari Tiongkok juga menyatakan bahawa pada seperempat tahun 700M atau sekitar tahun 625M, hanya berbeza 15 tahun setelah Rasulullah menerima wahyu pertama atau sembilan setengah tahun setelah Rasulullah berdakwah secara terbuka kepada orang-orang Arab, ternyata di sebuah pesisir pantai Sumatera sudah ditemukan sebuah perkampungan Arab Muslim yang masih berada dalam kekuasaan wilayah Kerajaan Buddha Sriwijaya. Orang-orang Arab yang tinggal di perkampungan-perkampungan ini telah mengasimilasikan diri mereka dengan penduduk peribumi, dengan cara mengahwini wanita-wanita tempatan secara damai, sehingga keturunan mereka sudah menyebar serta beranak pinak di sana. Tempat-tempat pengajian Al-Quran juga mula didirikan di perkampungan tersebut dan pengajaran tentang Islam sebagai asas pembinaan madrasah dan pesantren, yang umumnya juga menjadi tempat beribadah (masjid).

Hasil penemuan ini diperkukuhkan oleh HAMKA, beliau menyatakan bahawa seorang penulis sejarah Tiongkok yang mengembara pada tahun 674M telah menemui sekumpulan orang Arab yang mendirikan kampung dan tinggal di pesisir pantai barat Sumatera.<sup>40</sup> Hal ini menyebabkan HAMKA menulis bahawa penemuan ini telah mengubah pandangan orang ramai mengenai sejarah kemasukan agama Islam ke Tanah Air Indonesia langsung dari Arab, bukan melalui India dan bukan pada abad ke 11 melainkan pada abad pertama hijrah atau 7 masihi. HAMKA juga mendedahkan bahawa penemuan ini diyakini kebenarannya oleh para pencatat sejarah dunia Islam di Princeton Universiti di Amerika (Princeton University adalah institusi pendidikan tinggi tertua keempat di Amerika Syarikat, terletak di Princeton, New Jersey).<sup>41</sup> Sehingga kini dakwah terus berlanjut di Tanah Batak, terutama terhadap masyarakat suku bangsa Batak yang masyhur, iaitu: Batak Toba, Batak Karo, Batak Pak-pak, Batak Simalungun, Batak Angkola dan Mandailing.

## **Dinamika Dakwah al-Washliyah di Tanah Batak Toba**

---

<sup>40</sup> Hamka, *Perbendaharaan lama* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996), 4.

<sup>41</sup> Wahyu Ilaihi dan Harjani Hefni, *Pengantar Sejarah Dakwah*, ed. 1 (Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2007), 153-156.

Dinamika adalah suatu bentuk perubahan yang terjadi dalam suatu komunitas masyarakat, secara cepat atau lambat, yang sifatnya nyata dan berhubungan dengan suatu kondisi keadaan. Dinamika dapat dinyatakan sebagai sesuatu yang selalu bergerak. Dinamika dakwah itu sendiri adalah sebagai dakwah yang tidak kaku, iaitu terus bergerak dan mengalami perkembangan ataupun kemajuan dari waktu ke waktu di sesebuah kelompok masyarakat.<sup>42</sup>

Dinamika dakwah Islam di Toba sangat menggalakkan, terutama pada masa kejayaan organisasi al-Washliyah dalam usaha menyebarkan ajaran Islam di sana, tetapi pada masa ini perkembangan Islam di daerah Batak Toba agak lambat meskipun masih ada kemajuan dari masa ke masa, kerana itu sangat diperlukan para pendakwah yang ikhlas dalam usaha menyebarkan agama Islam di Tanah Batak Toba. Kerana majoriti penduduk kawasan Batak Toba adalah penganut agama Kristian yang mengikuti aliran Protestan, ada juga yang masih meyakini aliran kepercayaan seperti agama Parmalim. Adapun yang beragama Islam hanya sekitar 6, 2 % sahaja.

Ada beberapa konsep dinamika dakwah yang diterapkan oleh pendakwah al-Washliyah di Tanah Batak Toba, antaranya:


- a. Penyesuaian diri pendakwah terhadap masyarakat Batak Toba. Para pendakwah al-Washliyah harus menyesuaikan dirinya dengan tempat persekitarannya sebelum melakukan pembinaan. Mereka mesti menyesuaikan diri dengan masyarakat Muslim ataupun bukan Muslim, begitu juga dengan budaya dan sebagainya. Penyesuaian diri pendakwah menjadi rumit kerana para pendakwah berasal dari daerah luar Toba. Jadi, dari segi bahasa dan cara kehidupan sangat berbeza. Pendakwah harus berusaha untuk memahami lingkungan dan keadaan masyarakat yang memiliki pemahaman agama yang masih kurang. Para pendakwah yang ditempatkan di Toba akan diperkenalkan kepada para jemaah, kemudian para jemaah pula yang memperkenalkan mereka dengan masyarakat, bahawa di Tanah Batak Toba ada para pendakwah yang akan membimbing mereka dalam ajaran agama Islam.
- b. Pembinaan yang dilakukan oleh pendakwah kepada masyarakat di Tanah Batak Toba. Para pendakwah dituntut untuk bekerja

---

<sup>42</sup> Wildan Zulkarnain, *Dinamika Kelompok* (Jakarta: Bumi Aksara, 2013), 25

keras dalam melakukan pembinaan dan pengajaran kepada masyarakat Muslim di Toba karena rendahnya pemahaman agama mereka. Jika ada sesuatu hal yang dianggap masyarakat suatu yang baru, padahal hal itu secara syari'at sudah lama, maka masyarakat Muslim di Toba biasanya akan protes terlebih dahulu, mereka mengatakan "*Orang tua kami dahulu membuat seperti ini*". Contohnya seperti pertikaian arah kiblat yang banyak mendapat kritikan dari masyarakat Muslim di Toba. Sementara hal ini dilakukan bukan tanpa dasar, tetapi dengan pengkajian dan pengukuran oleh pakar di bidang tersebut. Disinilah para pendakwah menjelaskan kepada masyarakat Muslim bahwa hal ini sudah benar dilakukan dengan pengkajian yang mendalam dan keilmuan serta yang mengukurnya orang yang memiliki ilmu mengenainya, dengan demikian masyarakat boleh menerimanya. Pembinaan lainnya seperti peneguhan akidah yang dikhususkan kepada kanak-kanak tempatan.

c. Pengawasan yang dilakukan para pendakwah kepada masyarakat Muslim di Toba. Pengawasan yang dilakukan oleh para pendakwah terlihat begitu besar, bahkan tanggung jawab yang harus dilakukan dalam mengawasi masyarakat Muslim di Toba sangat ketat agar mereka tidak keluar dari agama Islam (murtad) dan tidak ikut dalam perayaan hari besar umat bukan Muslim. Pengawasan yang dilakukan oleh para pendakwah kepada masyarakat Muslim, adalah untuk mencegah pemurtadan, meskipun rintangan yang dihadapi begitu berat. Pengawasan juga dilakukan terhadap masyarakat bukan Muslim agar masyarakat Muslim tidak dipengaruhi untuk murtad, namun pengawasan tersebut tidak boleh dilakukan dari dalam, disebabkan ada stigma masyarakat non-Muslim yang mengatakan "*Ini masalah keluarga kami, jadi jangan mencampuri urusan kami tentang keyakinan*". Hal inilah yang membuat para pendakwah sangat sulit untuk mengawasi mereka yang ingin mengajak saudaranya untuk murtad. Dinamika ini dapat dicartakan seperti berikut:





Sesetengah orang berprasangka bahawa orang Batak Toba tidak ada yang beragama Islam, namun prasangka yang demikian adalah salah dan keliru, kerana kenyataannya tidak sedikit orang Batak Toba, baik di desa mahupun di bandar besar, tampil sebagai pendakwah dan tokoh Islam. Melalui organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) dan Persatuan Batak Islam (PBI), orang-orang Batak berhimpun dalam forum ini dan mengadakan pelbagai aktiviti dakwah Islam. Begitu juga, organisasi lain turut serta aktif melaksanakan dakwah di kawasan tersebut. Antaranya Zending Islam Indonesia, organisasi al-Washliyah dan Muhammadiyah. Organisasi Islam yang sentiasa bertungkus lumus dalam dakwah di Tanah Batak Toba ialah al-Washliyah. Memang pada masa penubuhan organisasi al-Washliyah, organisasi ini masih disibukkan oleh keadaan dan situasi yang belum selesai bagi menjalankan misi-misi dakwah dalam menyebarkan ajaran Islam ke seluruh Indonesia. Keadaan bangsa Indonesia pada waktu itu masih kacau, masyarakat berada dalam keadaan penindasan dan kezaliman, terutama dalam menghadapi penjajahan Barat di Indonesia. Namun, setelah tiga tahun kemudian dari penubuhan organisasi tersebut, barulah Ahli Jawatan Kuasa organisasi al-Washliyah mula mengambil kira persoalan dakwah di daerah-daerah yang majoriti penduduknya belum beragama atau masih menyembah ajaran nenek moyang, terutama di Tanah Batak dan sekitarnya. Sudah dimaklumi bahawa wilayah Tanah Batak Sumatera Utara, terutama daerah Porsea Toba, majoriti penduduknya masih menganut kepercayaan Animisme, Dinamisme. Oleh itu, organisasi al-Washliyah menubuhkan biro dakwah di Tanah Batak Toba pada tahun 1936M, yang dikenali dengan “*Biro Penyiaran Islam Tanah Batak Toba*”. Perbincangan dalam biro penyiaran tersebut begitu serius kerana para saudara baru (mualaf) di Tanah Batak sangat memerlukan tenaga pengajar atau pendakwah untuk membimbing mereka dalam mengamalkan agama Islam, terutama dalam bidang asas fardu ain.

Perlu diingat dalam sejarah perjuangan dakwah, bahawa di Tanah Batak telah ada para mubaligh Kristian yang secara aktif

mengkristiankan orang-orang Batak, mereka telah menjalankan misinya jauh sebelum masuknya para pendakwah al-Washliyah di sana, para penjajahan telah membantu misi agama mereka yang dikenal dengan “Zending Kristian”. Zending Kristian aktif dalam mengadakan aktiviti sosial seperti mendirikan klinik dan hospital, rumah untuk anak yatim, institusi pendidikan dan lain sebagainya.<sup>43</sup> Mengenai usaha dakwah yang dilakukan oleh al-Washliyah adalah dengan melakukan pembinaan masjid dan mengadakan penyiaran agama kepada masyarakat Toba. Selain itu, al-Washliyah juga mula membentuk persatuan, umpamanya persatuan tabligh, yang merupakan persatuan dalam bentuk kegiatan dakwah Islam seperti ceramah, kuliah, majlis tarbiyah dan majlis fatwa. Begitu juga persatuan Khazanatul Islamiyah yang merupakan persatuan yang menjaga bantuan sosial untuk anak-anak yatim piatu dan anak-anak miskin, serta persatuan penyiaran Islam yang berpusat di wilayah Toba. Melalui persatuan-perasatuan tersebut, terutama persatuan tabligh, difokuskan untuk mengembangkan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Batak Toba. Dalam hal ini mereka membahagikan tabligh secara dalaman dan luaran. Tabligh dalaman bertujuan untuk menambah pengetahuan ahli dan keluarga serta bukan ahli. Umumnya, tabligh dalaman ini berkaitan dengan ilmu fikah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah ibadah praktikal. Manakala tabligh luaran pula dilaksanakan dengan cara yang lebih terbuka kepada masyarakat umum dan biasanya dilakukan pada waktu memperingati hari besar Islam, seperti perayaan Maulid Nabi SAW, Isra Mi'raj, Aidil Fitri, dan Aidil Adha. Tabligh dalaman biasanya diadakan di masjid atau madrasah, manakala *tabligh* luaran biasanya diadakan di panggung wayang atau Padang terbuka, dengan tujuan untuk melibatkan banyak peminat.<sup>44</sup>

Organisasi Washliyah juga secara agresif menghantar para pendakwahnya ke daerah Batak Sumatera Utara. Para pendakwah dihantar secara berkumpulan, bukan sahaja mengajar tetapi mereka juga melakukan dakwah pada waktu pagi dan petang dan juga semasa perayaan hari-hari besar Islam. Dalam komuniti

---

<sup>43</sup> Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam'iyatul Washliyah 1930-1942: Api dalam Sekam di Sumatera Timur* (Bandung: Penerbit Pustaka, 1988), 140.

<sup>44</sup> *Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad*, 336.

sebahagian kecil umat Islam, pendakwah mengunjungi rumah ibu ayah lebih kerap, melakukan lawatan selain tujuan untuk tetap berhubung, juga bertujuan untuk menyampaikan ajaran Islam. Apa yang menarik dari usaha dakwah mereka adalah menggunakan pendekatan bahasa di kawasan yang mereka lawati. Walaupun pada awalnya mereka mengalami kesulitan dalam mengajar di tempat-tempat yang berlainan bahasanya, akan tetapi mereka terus mengembangkan kemahiran Bahasa Batak dan terus melakukan dakwah tanpa henti untuk mengimbangi Zending Kristian.<sup>45</sup>

Usaha lain yang dilakukan oleh al-Washliyah adalah mewujudkan kemudahan pendidikan, iaitu dengan membangun sekolah dan madrasah. Melalui sekolah dan madrasah ini dapat melahirkan para pendakwah baru di Tanah Toba itu sendiri. Sekolah yang dibina oleh al-Washliyah bukan sahaja berfungsi untuk mengajar pendidikan ilmu agama tetapi juga mengajar pendidikan umum. Usaha dakwah di Porsea diteruskan oleh ketua umum Zending Islam Porsea sebagai utusan organisasi al-Washliyah iaitu Guru Kitab Sibarani (1883 M-1957M).<sup>46</sup> Guru Kitab Sibarani ialah seorang yang sangat berpengaruh dalam masyarakat Porsea, diharapkan beliau dapat mempercepatkan usaha dakwahnya, namun al-Washliyah menyedari bahawa Guru Kitab Sibarani hanya memiliki sedikit pengetahuan Islam dan beliau hanya mengislamkan masyarakat dengan dua kalimah syahadat sahaja. Untuk memastikan bahawa masyarakat Batak Toba dapat memahami ajaran Islam secara lebih luas maka al-Washliyah menghantar beberapa *muballigh* secara bergilir-gilir untuk menjalankan kegiatan dakwah di Tanah Batak.<sup>47</sup>

Tercatat dalam sejarah bahawa perkembangan dakwah al-Washliyah juga pernah terjadi melalui perdebatan serta dialog keagamaan dengan para pembuka agama yang berbeza, seperti yang dialami oleh Syekh Muhammad Arsyad Thalib Lubis, beliau

---

<sup>45</sup> Majelis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*, 197.

<sup>46</sup> Nama asal Guru Kitab Sibarani ialah Salapis Sibarani, beliau lahir pada tahun 1883 M, di Lumban Sibarani Parborean, Porsea Toba, sebagai anak tunggal daripada Papatun Sibarani, seorang kaya yang menganut kepercayaan pelbegu. Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam'iyatul Washliyah 1930-1942: Api dalam Sekam di Sumatera Timur*, 130.

<sup>47</sup> Chalidjah Hasanuddin, *Al-Jam'iyatul Washliyah 1930-1942: Api dalam Sekam di Sumatera Timur*, 137-138.

pernah berdialog dengan seorang paderi yang bernama Rivai Burhanuddin (Paderi Kristian Advent), Van den Hurk (ketua Gereja Katolik Sumatera Utara) dan Dr. Sri Hardono (tokoh Kristian Katolik). Begitu juga, apa yang sering dialami oleh seorang mualaf yang dikenal sebagai Guru Kitab Sibarani, beliau kerap berdebat dengan para pendeta Kristian di Porsea Toba, beliau berdebat dengan mereka menggunakan kaedah dan taktik luar biasa untuk mempertahankan pendirian dan keyakinannya. Oleh itu, beliau mampu menangkis hujah-hujah yang dikemukakan oleh pihak mubaligh Kristian. Perdebatan tersebut memberikan kesan yang besar dengan kejayaan beliau mengislamkan masyarakat Batak Toba, serta dapat memukau rombongan paderi, ketua kampung dan pengikutnya, yang pada akhirnya sebahagian daripada masyarakat Batak, dengan keikhlasan hati mereka mengubah kepercayaan mereka daripada berfahaman Animisme dan Dinamisme menjadi penganut agama Islam.<sup>48</sup> Hingga kini, dakwah masih berterusan di wilayah Toba, melalui para pendakwah organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) dan Persatuan Batak Islam (PBI), Al-Jam'iyatul Washliyah, Muhammadiyah, Zending Islam dan organisasi-organisasi lainnya. Kerukunan beragama di Tapanuli Utara telah kukuh, dakwah Islam telah mendapat sokongan pemerintah dan penganut agama lain. Pemerintah memberikan kebebasan dalam berdakwah mengenai ajaran Islam di daerah Tapanuli Utara, walaupun pendakwah itu datang dari mana sahaja dalam organisasi Islam, selagi masih dalam batasan dakwah.<sup>49</sup> Masyarakat suku Batak mula terpengaruh dan menerima ajaran agama Islam, namun pada masa penjajahan Belanda di Indonesia, Belanda menggunakan politik adu domba antara suku dengan suku yang lain, yang dikenali dengan " *Divide at Impera* (politik pecah dan perintah)".<sup>50</sup> Sehingga terjadi saling kecurigaan dan caci-maki antara suku dengan suku bangsa lainnya. Begitu juga penjajahan Belanda mempropagandakan dalam dan luar negara bahawa semua

---

<sup>48</sup> Nukman Sulaiman, *Peringatan Al Djamijatul Washliyah ¼ Abad* (Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washliyah, 1956), 64.

<sup>49</sup> Majlis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Provinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*, 163.

<sup>50</sup> *Divide at Impera* ialah strategi politik yang memecah belah suatu bangsa dengan tujuan supaya dapat dikuasai dengan mudah. *Ensiklopedi Indonesia*, 2: 840.




suku Batak adalah beragama Kristian. Akibat propaganda tersebut, timbul anggapan bahawa setiap orang Batak yang memiliki marga salasilah keturunan Batak dianggap sebagai orang Kristian. Anggapan itu salah kerana jika dilihat statistik suku Batak yang memeluk Islam, jumlahnya sangat besar.

Namun, dengan terbentuknya organisasi Jemaat Batak Muslim Indonesia (JBMI) dan Persatuan Batak Islam (PBI), serta kebanyakan masyarakat Batak bersatu dalam organisasi ini. Maka penyebaran Islam di Tanah Batak berkembang pesat dan usaha menyebarkannya terus diperkukuh. Antara gerakan dakwah yang dilancarkan organisasi ini terhadap anggota-anggotanya adalah melalui pengajian berkala tentang pemahaman ajaran agama Islam, majlis ta'lim dari rumah ke rumah sambil belajar mengaji al-Qur'an dan sebagainya. Banyak kemajuan telah dicapai dalam mendalami ajaran Islam yang dapat menghasilkan sesuatu kebiasaan yang positif, seperti semakin erat silaturahmi dalam kalangan keluarga besar orang Batak yang beragama Islam, bertambah banyak masyarakat Batak yang mualaf menaruh perhatian terhadap cita-cita persatuan organisasi ini, meningkatkan semangat memperingati hari-hari besar Islam serta lahirnya pengajian-pengajian agama yang ditubuhkan oleh organisasi Batak Islam tersebut.

Di samping itu, terdapat juga halangan dan rintangan yang dialami oleh para pendakwah dalam menjalankan tugas dakwah, antaranya: 1. Masyarakatnya belum bersedia untuk berubah, Sebagai contoh, ketika menjelang waktu solat, meskipun azan sudah selesai dikumandangkan, orang yang datang ke masjid hanya satu dua orang sahaja, dan ada masanya tidak ada langsung. 2. Kurangnya minat masyarakat dalam mempelajari ilmu agama Islam. 3. Pengaruh adat istiadat yang sangat kuat di Tanah Batak. 4. Pengaruh pendapatan, daerah Batak terutama Tapanuli Utara adalah daerah yang kurang subur, salah satu usaha menjana pendapatan yang paling mudah ialah menternak khinzir, jika mereka memeluk Islam, secara automatik mereka tidak boleh menternak khinzir, maka mereka menganggap hal ini dapat mengurangkan pendapatan mereka. 5. Kurangnya kemudahan bagi para pendakwah, sehingga menyukarkan perlaksanaan dakwah di

kawasan tersebut. 6. Keadaan alam yang ekstrim.<sup>51</sup> Perihal ini dapat penulis gambar melalui carta berikut:




Meskipun demikian, komitmen perjuangan dakwah organisasi al-Washliyah di Tanah Batak Toba tidak mengenal kata lelah dan putus asa hingga saat ini, program dakwah berjalan secara berterusan demi untuk menyebarkan agama Islam dan melahirkan umat Islam yang berakhlak mulia di Sumatera Utara, Indonesia.<sup>52</sup> Begitu juga organisasi Persatuan Batak Islam, organisasi ini sangat gigih dalam berdakwah kepada orang-orang Batak bukan Islam. Pada 15 dan 16 Jun 2008M, Persatuan Batak Islam telah mengadakan RAKERNAS (Rapat Kerja Nasional) yang berlangsung di Asrama Haji Pangkalan Mansyur, Medan Sumatera Utara. Dalam hasil musyawarah tersebut mereka menyusun peta dakwah Islam di Tanah Batak Sumatera Utara. Sebagaimana yang diamanatkan oleh President Republik Indonesia dalam pembukaan acara Muktamar XXII Al-Jam'iyatul Washliyah pada 19hb Mac 2020 mengenai spirit dakwah al-Washliyah untuk menjawab tantangan kebangsaan saat ini dalam memperkuat persatuan di

<sup>51</sup> Majelis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara* (Medan: Majelis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1983), 177-182.

<sup>52</sup> Hasan Asari, "Dakwah Al-Washliyah dalam Refleksi Sejarah," laman sesawang *Waspada.id*, dicapai pada 24 September 2020, <https://waspada.id/>

tengah perbezaan.<sup>53</sup> Adapun yang menjadi solusi, terkait dinamika dakwah al-Washliyah di Tanah Batak Toba iaitu: para pendakwah harus bekerja keras untuk membina dan membimbing masyarakat Muslim agar mereka minat mempelajari ilmu-ilmu keislaman, sehingga terjadinya kemajuan pemahaman masyarakat Muslim tentang pentingnya agama. Begitu juga para pendakwah harus mendirikan masjid, surau, majlis ta'lim dan sekolah-sekolah Islam. Dan para pendakwah juga dituntut harus mampu memberikan strategi yang bersesuaian dengan majoriti masyarakat Batak Muslim yang pekerjaannya bertani dan berternak.



munammad karityo Priyasmoro, "Jokowi: Spirit Dakwah Atwasnnyan Sangat Relevan Menjawab Tantangan Kebangsaan Saat Ini," laman sesawang *Liputan 6*, diakses 20 March 2021, <https://www.liputan6.com/news/read/4511086/>

## **Penutup**

Berdasarkan kenyataan di atas, jelas bahawa organisasi al-Washliyah telah berusaha dengan gigih dalam menyebarkan Islam di Indonesia dan di Tanah Batak Toba Sumatera Utara khususnya. Misi dakwah al-Washliyah di Tanah Batak Sumatera Utara, telah dilaksanakan oleh para pendakwah al-Washliyah dengan penuh jayanya. Kejayaan dalam menyebarkan dakwah Islamiah di Tanah Toba, dibuktikan dengan banyaknya masyarakat Batak yang menjadi penganut agama Islam terutama masyarakat Batak Porsea Toba yang belum beragama (masih menganut kepercayaan Animisme dan Dinamisme). Begitu juga dengan tersebarnya pembangunan masjid, madrasah dan majlis ta'lim di Tanah Batak Toba. Seperti terbangunnya masjid besar di Porsea, Lumbun Lobu, Lumbang Gurning, Balige, Tambunan, Tarutung, Panonburan dan daerah-daerah Tanah Batak lainnya. Usaha dakwah al-Washliyah bukan sahaja berjaya dalam mengislamkan masyarakat Batak pedalaman, akan tetapi juga berjaya dalam mengislamkan masyarakat bandar melalui perdebatan dan dialog antara agama, terutama terhadap tokoh-tokoh agama Kristian, dengan tujuan untuk menyatakan kebenaran. Sebagaimana yang pernah dilakukan oleh ulama Kristologi al-Washliyah Muhammad Arsyad Thalib Lubis dan seorang pendakwah muallaf yang dikenal dengan Guru Kitab Sibarani. Mereka sering berdebat dengan paderi Kristian di Toba dan di Medan Sumatera Utara. Perdebatan ini memberi kesan besar kepada kejayaan mereka dalam mengislamkan masyarakat Batak Porsea Toba. Namun sayangnya dinamika dakwah di Tanah Batak Toba kini tidak sama seperti gigihnya pergerakan dakwah ulama al-Washliyah yang terdahulu, oleh itu perkembangan agama Islam di sana sangat lambat.

## **Bibliografi**

Augustine, St. *The Toba Batak High God: Transcendence and Immanence*. Terj., Sinaga. West Germany: Antropos Institute, 1981, 80-85.

- Azyumardi Azra. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII*. Indonesia: Kencana: 2005.
- Batara Sangti. *Sejarah Batak*. Balige: Karl Sianipar Company, 1978.
- Buku Panduan*. Medan: Fakultas Hukum Universitas al-Washliyah, 1995.
- Chalidjah Hasanuddin. *Al-Jam'iyatul Washliyah 1930-1942: Api Dalam Sekam di Sumatera Timur*. Bandung: Penerbit Pustaka, 1988.
- Departemen Pendidikan Nasional. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Cet. 3, Jakarta: Balai Pustaka, 2005.
- Direktorat Pembinaan Perguruan Tinggi Agama Islam, *Perbandingan Agama*. Ed. 2. Jakarta: Proyek IAIN, 1981.
- Doangsa PL. Situmeang, *Dalihan Na Tolu Sistem Sosial Kemasyarakatan Batak Toba*. Jakarta: Dian Utama, 2007.
- E. ST. Harahap, *Perihal Bangsa Batak*. Jakarta: Perpustakaan Universiti Malaya, 1985.
- E. ST. Harahap. *Perihal Bangsa Batak*. Djakarta: Dewan Bahasa Jakarta, 1958.
- Ensiklopedi Indonesia*. Jakarta: Ichtiar Baru-Van Hoeve, 1984.
- Ensiklopedia Dunia*. Ed. 1, t.tp, t.p., t.t.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Cet. 1. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.
- H. M. Z. Harahap. *Asal Usul Marga Harahap*. Bandung: Tarsito, 1992.
- Haji Zainal Abidin Safarwan. *Kamus Besar bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications, 1995.
- Hamka, *Perbendaharaan lama*. Jakarta: Pustaka Panjimas, 1996.
- Ibrahim Gultom, *Agama Malim di Tanah Batak*. Jakarta: Bumi Aksara, 2010.
- J. C Vergouwen, *Masyarakat dan Hukum Adat Batak Toba*. Yogyakarta: LKiS, 2004.
- Ja'far Hassan, Hj. Muhammad Yunus dan M. Nurdin Amin, *Peran al-Washliyah dalam Perjuangan Bangsa, Peran Moderasi al-Washliyah*. Medan: Univa Press, 2008.
- Majelis Ulama Indonesia Daerah TK. 1 Propinsi Sumatera Utara, *Sejarah Dakwah Islamiyah dan Perkembangannya di Sumatera Utara*. Medan: Majelis Ulama Daerah Sumatera Utara, 1983.

- Majlis Ulama Indonesia (MUI) Sumatera Utara, *Sejarah Ulama-ulama Terkemuka di Sumatera Utara*. Medan: Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Sumatera Utara, 1982.
- Mangaraja Onggang Parlindungan, *Tuanku Rao*. Medan: Tanjung Pengharapan, 1964.
- Mariasusai Dhavamony. *Fenomenologi Agama*. Yogyakarta: Kanisius, 1995.
- Muhammad Radityo Priyasmoro. “Jokowi: Spirit Dakwah Alwashliyah Sangat Relevan Menjawab Tantangan Kebangsaan Saat Ini.” Laman sesawang *Liputan 6*, dicapai 20 March 2021, <https://www.liputan6.com/news/read/4511086/>
- N. Siahaan BA, *Sejarah Kebudayaan Batak*. Medan: CV. Napitupulu & Son, 1964.
- Nofa Liani Br. Nainggolan. “Aktivitas Komunikasi Prosesi Mangulosi, Penyematan Ulos Dalam Pernikahan Adat Suku Batak Toba di Kota Cirebon”. Disertasi, Universitas Komputer Indonesia, Bandung, 2020.
- Nukman Sulaiman, *Peringatan Al Djamijatul Washliyah ¼ Abad*. Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washliyah, 1956.
- O. L. Napitulu S.H, *Perang Batak Perang Sisingamangaradja* Jakarta: P. T. Sahid, Yayasan Pahlawan Nasional Sisingamangaradja, 1972.
- Panitia Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia. *Risalah Seminar Sedjarah Masuknja Islam ke Indonesia*. Kuala Lumpur: Pustaka Raya & Perpustakaan Universiti Malaya, 1963.
- Paul Bodholdt Pedersen. *Darah Batak dan Jiwa Protestan*. Jakarta: Gunung Mulia, 1975.
- Peringatan Al-Djamijatul Washlijah 1/4 Abad (1955)*. Ed. 1. Medan: Pengurus Besar Al-Djamijatul Washlijah, 1955.
- Richard Sinaga. *Leluhur Marga-Marga Batak dalam Sejarah Silsilah dan Legenda*. Jakarta: Dian Utama, 1997.
- Sinaga. *The Toba Batak High God: Transcendence and Immanance*. Augustin West Germani: Anthropolos Institute, 1981.
- Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*. Ed. 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.
- Wahyu Ilaihi dan Harjani Hefni. *Pengantar Sejarah Dakwah*. Ed. 1, Jakarta: Kencana Prenada Media Group, 2007.

- Wan Ahmad. *Sejarah Islam di Indonesia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1989.
- Wasinton Hutagalung. *Tarombo-Marga ni Suku Batak*. Medan: U. D. Bahagia, 1961.
- Wildan Zulkarnain. *Dinamika Kelompok*. Jakarta: Bumi Aksara, 2013.
- Zulyani Hidayah. *Ensiklopedi Suku Bangsa di Indonesia*. Jakarta: LP3ES, 1996), 43-44.